



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

KUSKOP SASAR JUALAN DAN PELABURAN RM25 JUTA DI MIHAS 2025

KUALA LUMPUR, 19 September – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyertai Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) edisi ke-21 anjuran MATRADE yang berlangsung dari 17 hingga 20 September 2025 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC), Kuala Lumpur. Sebanyak **32 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) halal** tempatan akan menyertai pameran perdagangan MIHAS 2025 dengan sasaran potensi jualan dan pelaburan sekurang-kurangnya **RM25 juta**.

Penyertaan PMKS kali ini melibatkan usahawan dalam sektor **makanan dan minuman, kosmetik, produk penjagaan diri serta bahan gunaan**. Sasaran jualan dan pelaburan RM25 juta tersebut dijangka dicapai melalui pelbagai platform seperti **pameran perdagangan, sesi padanan perniagaan (business matching)** dan **International Sourcing Programme (INSP)** yang dianjurkan sepanjang empat hari pameran sempena MIHAS 2025.

Sejak 2023, KUSKOP telah menyelaraskan penglibatan PMKS halal di MIHAS, yang dianjurkan setiap tahun oleh **Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)**. Usaha ini bukan sahaja membuka akses pasaran eksport, malah memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri halal dunia.

Majlis perasmian Pavilion KUSKOP telah disempurnakan oleh **YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Majlis tersebut turut menyaksikan pemeteraian beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) strategik antara usahawan tempatan dan rakan niaga antarabangsa, antaranya:

- **Culvita Sdn. Bhd.** dengan Shenzhen Bestai Grains and Oils Co. Ltd (China)
- **Zinon Food Industries Sdn. Bhd.** dengan Hunan Osman International Trade Co. Ltd (China)
- **Zinon Food Industries Sdn. Bhd.** dengan China Malaysia Qinzhou Industry Park (China)
- **Joielle Group Sdn. Bhd.** dengan Sipro (M) Sdn. Bhd. (Malaysia)

- **Koperasi Perdana Berhad** dengan Tisha's Food Manufacturing Sdn. Bhd. (Malaysia)

Selain itu, dua produk baharu turut dilancarkan:

- Siri makanan segera '**4 Flavours Ramen**' oleh Quicbowl Sdn. Bhd.
- Produk makanan kesihatan '**Sea Moss Essence**' dan rangkaian penjagaan kulit oleh Hana B Superfood Sdn. Bhd.

Penyertaan usahawan di MIHAS bukan sekadar membuka peluang rangkaian niaga dan eksport, malah membuktikan kekuatan industri halal Malaysia. Program Pembangunan Keusahawanan Halal di bawah KUSKOP serta sokongan rakan strategik, usahawan halal mampu menembusi pasaran antarabangsa, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri halal dunia.

Penyertaan KUSKOP di MIHAS 2025 turut sejajar dengan aspirasi **Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030** yang menekankan pembangunan ekosistem kondusif dalam merangsang pertumbuhan keusahawanan, meningkatkan daya saing PMKS dan memperkukuh peranan Malaysia dalam pasaran halal global.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
19 September 2025